

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OKTOBER 2023  
 AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 30

## Ekonomi berdaya tahan

### EKONOMI BERDAYA TAHAN

Permintaan domestik kukuh imbangi cabaran pertumbuhan sederhana di peringkat global

Kuala Lumpur

Walaupun ketidak-tentuan landskap global semakin meningkat, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan.

Pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) diunjur berkembang sekitar 4.0 peratus pada 2023 dan antara 4.0 hingga 5.0 peratus pada 2024.

Kerajaan mengukuh bahawa Bank Dunia mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 4.3 peratus pada 2024 iaitu meningkat sedikit berbanding unjuran asal.

Namun, unjuran ini selaras dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 2024 disokong permintaan domestik yang kukuh seterusnya mengimbangi dengan berkesan cabaran pertumbuhan global yang menyederhana.

Pertumbuhan ini juga akan disokong pelaksanaan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR) baharu, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Pengal Ran-

**4.0%**  
 Unjuran perkembangan KDNK negara bagi tahun 2024

cangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12).

Menurut laporan Tinjauan Ekonomi 2024, permintaan domestik Malaysia pada 2023 terus disokong oleh peningkatan perbelanjaan penggunaan dan pelaburan.

Pertumbuhan ini juga disokong oleh keadaan pasaran buruh yang menggalakkan dan tekanan inflasi yang berkurangan serta aktiviti pelancongan yang rancak.

Peningkatan pelaburan swasta pula disumbangkan oleh projek infrastruktur yang giat dilaksanakan dan pelaburan modal yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Selain itu, peningkatan perbelanjaan sektor swasta dijangka dapat mengimbangi kesan perbelanjaan awam yang sederhana pada 2023.

Pada 2024, perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai penyumbang utama dalam memacu aktiviti ekonomi berikutan permintaan domestik lebih kukuh.

Di samping itu, inisiatif kerajaan untuk menyokong perbelanjaan isi rumah melalui pindahan tunai kepada kumpulan sasar dan peningkatan trend perancangan sosial dijangka dapat menggalakkan penggunaan swasta.

Sementara itu, pelaburan swasta dijangka terus berkembang didorong persekitaran perniagaan lebih kondusif selaras dengan strategi dan usaha kerajaan, dalam menarik pelaburan berteknologi tinggi dan nilai tinggi melalui NETR dan NIMP 2023.

Dari aspek penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menjadi enjin utama pertumbuhan ekonomi pada 2023.

Bagaimanapun, sektor pembuatan dijangka mencatat pertumbuhan sederhana disebabkan permintaan luar yang lembap dan



KEADAAN pasaran buruh menggalakkan.

#### KELUARAN DALAM NEGERI KASAR MENGIKUT SEKTOR, 2022-2024 (PADA HARGA MALAR 2015)

	BAHAGIAN (%)		PERUBAHAN (%)	
	2023	2022	2023	2024
Perkhidmatan	59.3	10.9	5.5	5.6
Pembuatan	23.5	8.1	1.4	4.2
Pertanian	6.3	0.1	0.6	1.2
Perlombongan	6.1	2.6	-0.8	2.7
Pembinaan	3.6	5.0	6.3	6.8
<b>KDNK</b>	<b>100.0</b>	<b>8.7</b>	<b>-4.0</b>	<b>4.0 - 5.0</b>

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan



SEKTOR pertanian diunjur menyederhana.

sektor pertanian juga diunjur menyederhana disumbangkan oleh subsektor kelapa sawit, pertanian lain dan ternakan manakala sektor perlombongan dijangka merosot berikutan permintaan luar yang lebih rendah untuk gas asli cecair (LNG).

Pada 2024, subsektor perdagangan borong dan runcit kekal sebagai penyumbang utama kepada sektor perkhidmatan disokong oleh pengembangan segmen runcit melalui transaksi digital.

Di samping itu, industri berorientasikan domestik disokong oleh pengeluaran lebih tinggi dalam industri high growth high value (HG-HV) yang akan memacu sektor pembuatan selaras dengan pelaksanaan inisiatif di bawah NETR, NIMP 2030, KSP RMKe-12 dan Pelan Hala Tuju Industri Kimia 2030.



AKTIVITI pelancongan yang rancak turut sumbang peningkatan KDNK negara.